



18 Julai 2017

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang Prinsipal

Tuan/Puan

**SYARAT-SYARAT PELANTIKAN EJEN
OLEH PEMEGANG LESEN PRINSIPAL DI BAWAH SEKSYEN 43(4)
AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011**

Menurut seksyen 43(4) di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Akta), Bank Negara Malaysia (Bank) mengenakan syarat ke atas pemegang lesen prinsipal yang diluluskan untuk melantik ejen bagi menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihaknya, supaya memastikan semua ejennya yang bukan pemegang lesen (*full agent*) berdaftar sebagai ahli bersekutu (*associate member*) kepada Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (Persatuan) berkuatkuasa serta-merta.


2. Penganan syarat ini bertujuan untuk memastikan standard profesionalisme dan tahap pematuhan terhadap keperluan-keperluan pengawalseliaan dalam menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang dalam industri adalah konsisten, memandangkan bilangan ejen yang bukan pemegang lesen yang semakin meningkat. Dengan keahlian kepada Persatuan, ejen yang bukan pemegang lesen akan mendapat manfaat daripada program-program latihan berkenaan pencegahan pengubahan wang haram / pambanterasan pembiayaan keganasan (AML/CFT); amalan terbaik untuk kawalan dan pengurusan risiko perniagaan serta perlindungan pengguna yang dijalankan oleh Persatuan. Di samping itu, inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Persatuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan imej industri akan membantu ejen yang bukan pemegang lesen untuk menjadi lebih kukuh, profesional dan berdaya saing.

3. Sehubungan ini, pemegang lesen prinsipal dikehendaki memastikan bahawa ejennya yang bukan pemegang lesen adalah berdaftar dengan Persatuan sebagai ahli bersekutu sebelum 31 Ogos 2017. Bagi kumpulan ejen berkenaan yang masih belum memulakan operasi perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen prinsipal pada tarikh surat ini, pendaftaran keahlian dengan Persatuan mesti dibuat sebelum memulakan operasi perniagaan perkhidmatan wang.

47/01/7

4. Kelulusan yang diberikan oleh pihak Bank kepada pemegang lesen prinsipal untuk melantik seseorang ejen menurut seksyen 43(1) di bawah Akta adalah terbatal dengan sendirinya, sekiranya pemegang lesen prinsipal gagal memenuhi syarat yang ditetapkan.

Yang benar,



(Jessica Chew Cheng Lian)
Penolong Gabenor
Bank Negara Malaysia